SAMPEL PERCUMA

Trial SPM 2022 Pendidikan Islam + Skema

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

1223/1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022 (SET 1)
PENDIDIKAN ISLAM
TINGKATAN 5
2 jam 30 minit

……

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **lima** soalan .
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Jawab ***semua*** soalan

1 (a) Firman Allah Taala :

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ (19) ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ (20)

Surah Al-Taubah:19-20

Ayat di atas menerangkan tentang keutamaan melakukan suatu amalan.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud fiqh al-Aulawiyat. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** prinsip asas fiqh al-Aulawiyat. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ
مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.

Riwayat Al-Bukhari

(b) Hadis di atas berkaitan kemuliaan berdikari.

(i) Nyatakan **dua** contoh pekerjaan nabi dan rasul untuk menyara keluarga. [2 markah]

(ii) Jelaskan kelebihan mengamalkan sikap berdikari. [2 markah]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

(c) Terangkan mana-mana satu hukum tajwid berkaitan *mad silah*. [2 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN

PENDIDIKAN ISLAM SPM TAHUN 2022 (SET 1)

SOALAN		JAWAPAN	PEMARKAHAN
1(a)	(i)	Maksud fiqh al-Aulawiyat ialah: Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.	2 markah
	(ii)	Prinsip asas fiqh al-Aulawiyat: - Bersumberkan dalil syarak. - Mengutamakan perkara yang diutamakan syarak - Mengambil kira keperluan semasa dan setempat	2 isi x 2m= 4 markah
	(iii)	Pengajaran ayat: **Kita hendaklah**…. - Sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat kerana keimanan ialah kunci penerimaan segala ibadat. - Sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta supaya mendapat ganjaran yang besar dari Allah SWT. - Sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik supaya menjadi insan yang proaktif.,	2 isi x 2m= 4markah (Isi + Huraian)
1 (b)	(i)	**Dua** nama nabi dan rasul beserta pekerjaan : - Nabi Adam (petani) - Nabi Idris (tukang jahit) - Nabi Musa (penternak kambing) - Nabi Muhammad (pengembala kambing/berniaga) - Nabi Daud A.S (tukang besi) - Nabi Zakarian (tukang kayu)	2 isi x 1m= 2 markah
	(ii)	Kelebihan mengamalkan sikap berdikari : - Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha. - Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal. - Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran - Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkatkan taraf kehidupan.	1 isi x2m= 2 markah

Jawab **semua** *soalan.*

1 (*a*) Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

(Surah al-Hujurat: 13)

Ayat di atas menerangkan Allah SWT menjadikan manusia pelbagai bangsa dan kaum. Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan sebab turun ayat. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kepentingan Allah SWT menjadikan kita pelbagai bangsa dan kaum. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat. [4 *markah*]

(*b*) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
" لأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ ".

(رواه البخارى)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari dalam kehidupan. Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud berdikari. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan konsep berdikari. [2 *markah*]

"DI MANA ADA KEMAHUAN DI SITU ADA JALAN"

(iii) Bagaimanakah peribahasa di atas dapat dikaitkan untuk melahirkan masyarakat yang berdikari. Bincangkan. [4 *markah*]

(*c*) Senaraikan **dua** bahagian Qalqalah. [2 *markah*]

2 (*a*) (i) Al-Syahid merupakan satu daripada al-Asma al-Husna Allah SWT. Nyatakan maksud al-Syahid. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. [4 *markah*]

(iii) Cadangkan langkah yang boleh anda lakukan terhadap rakan anda yang sering melakukan perbuatan mungkar seolah-olah menafikan Allah SWT bersifat al-Syahid. [4 *markah*]

(*b*) (i) Senaraikan **dua** perkara yang membatalkan iman selain daripada iktikad. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** contoh iktikad yang membatalkan iman dari aspek;
(a) Al-Uluhiyyah
(b) Al-Syariah
[4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman. [4 *markah*]

3 (*a*) Solat Duha adalah salah satu solat sunat yang amat dituntut untuk ditunaikan oleh setiap umat Islam.

(i) Apakah maksud solat Duha? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** hikmah menunaikan solat Duha. [4 *markah*]

(iii) "Orang yang sentiasa melakukan solat Duha akan dipermudahkan dalam urusan kehidupan mereka".

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan tersebut. [4 *markah*]

(*b*) Meminang dan walimatulurus merupakan perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dalam Islam.

(i) Nyatakan maksud meminang. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** anggota yang harus dilihat semasa meminang. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** adab walimatulurus dalam Islam. [4 *markah*]

(iv) Terangkan tujuan pensyariatan walimatulurus. [2 *markah*]

4 (*a*) (i) Nyatakan sejarah ringkas penubuhan kerajaan Uthmaniyah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek keilmuan. [4 *markah*]

(iii) "Campur tangan kuasa asing boleh melemahkan umat Islam".

Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam Malik. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan bukti kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam tamadun Islam. [2 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh mazhab. [4 *markah*]

5 (*a*) (i) Wasatiyyah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.
Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan dalam wasatiyyah? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** contoh keseimbangan dari aspek berikut:
(a) Rohani
(b) Jasmani
[4 *markah*]

(iii) "Islam amat menekankan kesederhanaan dalam kehidupan".

Bagaimanakah anda dapat memenuhi tuntutan tersebut. Huraikan. [4 *markah*]

(*b*) (i) Sifat tawaduk merupakan salah satu sifat yang terpuji di sisi Allah SWT.
Nyatakan maksud sifat tawaduk. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** hikmah sifat tawaduk dalam kehidupan. [4 *markah*]

(iii) Sifat tawaduk dapat membersihkan diri kita daripada sifat mazmumah yang dibenci oleh Allah SWT.
Beri pendapat anda. [4 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022
PENDIDIKAN ISLAM

NO. SOALAN			SKEMA JAWAPAN	MARKAH
1	(*a*)	(i)	**Sebab turun ayat:** ● Rasulullah SAW meminta Saidina Bilal bin Rabah melaungkan azan semasa pembukaan Kota Mekah. **(1m) /** Terdapat sahabat yang memandang rendah kepada Saidina Bilal bin Rabah dan perkara itu diberitahu malaikat Jibril kepada Rasulullah SAW lalu turun ayat tersebut. **(1m)**	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	**Dua kepentingan Allah SWT menjadikan kita pelbagai bangsa dan kaum:** ● Menjalinkan perpaduan dan perhubungan yang harmoni. ● Mengiktiraf kemuliaan dan harga diri manusia tanpa mengira rupa paras dan etnik. ● Menjalinkan hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam. ● Menggalakkan interaksi dan kerjasama yang akan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. *Catatan:* ***Mana-mana jawapan munasabah diterima.***	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	**Dua pengajaran ayat:** ● Kita hendaklah saling bekerjasama **(1m) /** untuk membina kehidupan harmoni. **(1m)** ● Kita hendaklah menghormati kepelbagaian budaya **(1m)** supaya wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat. **(1m)** ● Kita hendaklah berusaha membaiki akhlak (1m) agar menjadi insan bertakwa. *Catatan:* ***Jawapan mestilah mengandungi isi dan huraian.*** ***Ayat penyata diterima.*** ***Mana-mana jawapan munasabah diterima.***	2 isi x 2m = 4m Isi = 1m Huraian =1m
	(*b*)	(i)	**Maksud berdikari:** ● Berusaha sendiri **(1m) /** dan tidak bergantung pada bantuan orang lain. **(1m)**	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	**Konsep berdikari:** ● Meyakini kemampuan diri melaksanakan sesuatu tugasan. ● Berusaha dengan bersungguh-sungguh. ● Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT. ● Membebaskan diri daripada bergantung kepada pihak lain.	1 isi x 2m = 2m

<table>
<tr>
<td></td><td></td><td>(iii)</td>
<td>Rubrik penskoran:

<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian yang lengkap
yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumuskan isi berserta huraian lengkap
yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan.
Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>

“Di mana ada kemahuan di situ ada jalan”

Bagaimanakah peribahasa di atas dapat dikaitkan untuk melahirkan masyarakat yang berdikari. Bincangkan.

Cadangan isi:
● Berusaha meningkatkan taraf hidup.
● Tidak mengharapkan bantuan pihak lain.
● Sentiasa berfikir mencari sumber ekonomi yang lebih baik.
● Tidak mudah berputus asa mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik.</td>
<td>4m

Isi = 1m
H = 1m
HL = 1m
K = 1m</td>
</tr>
<tr>
<td></td><td>(c)</td><td></td>
<td>Dua bahagian Qalqalah:
● Qalqalah Sughra
● Qalqalah Kubra
● Qalqalah Akbar</td>
<td>2 isi x 1m
= 2m</td>
</tr>
<tr>
<td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td>
<td>Maksud al-Syahid:
● Nama Allah yang menunjukkan Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan/ (1m) dan mendengar segala ucapan makhluk/ (1m) serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi. (1m)</td>
<td>2 isi x 1m
= 2m</td>
</tr>
<tr>
<td></td><td></td><td>(ii)</td>
<td>Dua bukti Allah bersifat al-Syahid:
● Allah menjadi saksi perutusan Rasulullah ke atas umatnya.
● Allah menyaksi dan menghitung segala amal perbuatan manusia.
● Menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau tersembunyi.
● Menjadi saksi pembohongan orang munafik.</td>
<td>2 isi x 2m
= 4m</td>
</tr>
<tr>
<td></td><td></td><td>(iii)</td>
<td>Rubrik penskoran:

<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian yang lengkap
yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumuskan isi berserta huraian lengkap
yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan.
Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
</td>
<td>4m

Isi = 1m
H = 1m
HL = 1m
K = 1m</td>
</tr>
</table>

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar